

12 AUG 1998

MAHATHIR LAWAT PERLIS

KANGAR, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai aturcara yang sibuk pada lawatan kerja seharusnya ke Perlis 21 Ogos ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pada sebelah pagi, Dr Mahathir akan merasmikan bangunan Persekutuan lapan tingkat di Pesiaran Jubli Emas dekat sini.

Bangunan berharga RM41.5 juta itu antara lain menempatkan Jabatan Imigresen, Badan Pencegah Rasuah (BPR), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Biro Penerangan dan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Perdana Menteri kemudiannya akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan para pemimpin UMNO Perlis di hotel Kangar Travelodge dan selepas itu menunaikan sembahyang Jumaat di masjid Guar Gajah, Arau.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan berucap di hadapan lebih 20,000 penduduk di Stadium Datuk Sheikh Ahmad pada majlis perhimpunan rakyat.

Sementara itu, isteri Perdana Menteri, Datin Sri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menghadiri majlis ramah mesra dengan anggota-anggota Badan Amal Isteri-isteri Wakil Rakyat Perlis (Baidunita) dan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita (Hawa) di Kompleks Warisan pada pukul 11 pagi.

-- BERNAMA
RIS AD WAT